

Kosmo
2013/16 m/s 2

Jabatan Meteorologi menjangka beberapa negeri di Malaysia mencatat suhu sehingga 40 darjah Celsius

Fenomena Ekuinoks punca panas terik

KUALA LUMPUR – Malaysia dijangka menghadapi fenomena cuaca panas melampau sehingga suhu mencecah 40 darjah Celsius di beberapa buah negeri ekoran fenomena Ekuinoks yang dijangka berlaku antara pukul 12 tengah hari hingga 2 petang hari ini.



CHE GAYAH

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail, fenomena Ekuinoks itu berlaku apabila matahari berada tepat di atas garisan Khatulistiwa sekali gus memburukkan lagi cuaca panas melampau yang sedang melanda negara sekarang.

“Pada tahun ini, fenomena Ekuinoks di Malaysia berlaku pada hari ini dan ia akan berlaku sekali lagi pada 22 September depan.

“Ekuinoks berlaku dua kali setahun iaitu apabila matahari berada tepat di atas garisan




SUHU panas melampau di negara ini dijangka meningkat ekoran fenomena Ekuinoks yang dijangka berlaku selama dua jam hari ini antara pukul 12 tengah hari dan 2 petang. – Gambar hiasan

INFO Ekuinoks

- Ekuinoks berlaku apabila keadaan siang dan malam yang sama panjang waktunya di garisan Khatulistiwa.
- Fenomena itu berlaku sebanyak dua kali setiap tahun pada satu garis lintang tertentu di antara garisan Sarton dan garisan Jadi.
- Kedudukan matahari berada tepat di atas garisan Khatulistiwa ketika ia bergerak dari Hemisfera Utara.
- Seluruh permukaan bumi menerima waktu siang dan malam yang sama panjang iaitu masing-masing 12 jam.
- Tiada bayang-bayang kelihatan pada tepat waktu tengah hari di sesuatu tempat ketika matahari melintasi garisan lintang kawasan yang terlibat.

INFO Fenomena Ekuinoks



pengeluaran karbon dioksida (CO₂) sebanyak 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Beliau berkata, setakat ini negara telah mencapai tahap 33 peratus sekali gus meletakkan Malaysia sebagai antara negara terbaik di dunia yang berjaya mengurangkan CO₂ dalam pembangunannya.

“Kerajaan sehingga kini

Khatulistiwa ketika ia bergerak dari Hemisfera Selatan ke Hemisfera Utara,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* Ahad di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai cuaca panas melampau yang masih melanda negara ini ekoran fenomena El Nino sehingga

mengakibatkan sebanyak 11 kes kelesuan haba dan tiga strok haba dilaporkan setakat ini.

Che Gayah berkata, fenomena matahari melintasi garisan Khatulistiwa itu berlaku dalam tempoh yang singkat iaitu antara dua hingga lima minit pada waktu tengah

hari.

Sementara itu di Pekan, Pahang, **Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak** berkata, Malaysia komited untuk menangani perubahan iklim dan pemanasan global yang turut menyumbang kepada fenomena cuaca panas sekarang dengan mengurangkan

membayai sebanyak 200 projek teknologi hijau di seluruh negara yang melibatkan kos sebanyak RM2.6 bilion sebagai komitmen negara mengurangkan masalah perubahan cuaca,” katanya pada majlis pelancaran pembangunan Taman Teknologi Hijau Pekan di Paloh Hinai dekat Pekan semalam.

Sekolah di Alor Setar, Chuping disaran ditutup

KUALA LUMPUR

- Kementerian Pendidikan disaran menutup sesi persekolahan di Alor Setar, Kedah dan Chuping, Perlis ekoran suhu panas yang melebihi 37 darjah Celsius direkodkan di kedua-dua lokasi itu sejak 1 Mac lalu.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, cuaca panas melampau di Alor Setar, Kedah merekodkan suhu paling tinggi di negara ini semalam iaitu 39.1 darjah Celsius sekali gus mencatatkan bacaan tertinggi dalam tempoh 12 hari berturut-turut.

Beliau berkata, suhu di Chuping, Perlis semalam ialah 38.9 darjah Celsius selepas mencatat suhu tertinggi yang mencecah 39 darjah Celsius pada Isnin lalu.

“Berdasarkan Garis Panduan Pelan Tindakan Menangani Gelombang Haba,



MADIUS



MAHDZIR

sesi persekolahan di Alor Setar dan Chuping dicadangkan ditutup bermula pada Ahad, 20 Mac (hari ini),” katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Bagaimanapun, Madius berkata, keputusan sama ada sesi persekolahan

akan ditutup atau tidak akan diumumkan oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid seperti yang diarahkan oleh Kabinet.

Dalam pada itu, **Mahdzir** menerusi akaun Facebooknya menafikan terdapat sekolah di beberapa negeri ditutup ekoran cuaca panas melampau seperti yang tersebar menerusi media sosial.

Bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam satu kenyataan menyatakan, semua aktiviti di luar bilik darjah akan ditangguhkan buat sementara waktu sehingga atau setelah keadaan cuaca kembali pulih

INFO

Suhu musim panas negeri-negeri Malaysia

Bacaan suhu pada pukul 4 petang

- Alor Setar, Kedah (39.1 Celsius)
- Chuping, Perlis (38.9 Celsius)
- Kuala Pilah, Negeri Sembilan (35.1 Celsius)
- Cameron Highlands (25.3 Celsius)
- Temerloh, Pahang (37.3 Celsius)
- Melaka (34.7 Celsius)
- Kuala Terengganu (31.7 Celsius)
- Senai, Johor (34.6 Celsius)
- Kuching, Sarawak (32.7 Celsius)
- Kota Kinabalu, Sabah (32.9 Celsius)
- Bayan Lepas, Pulau Pinang (33.6 Celsius)
- Kuala Lumpur (35.0 Celsius)
- Shah Alam, Selangor (35.0 Celsius)

* Purata suhu ialah 21-32 darjah Celsius

seperti biasa.

Menurut KPM, semua sekolah bagi negeri Kelantan, Terengganu, dan Johor akan dibuka mulai hari ini manakala sekolah di negeri lain pula akan dibuka esok.